

08 FEB 2002

AHMAD TAJUDIN DILANTIK SEMULA PENGERUSI YPEIM

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad Datuk Ahmad Tajudin Abdul Rahman dilantik semula sebagai pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM).

Pelantikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu turut membabitkan 12 anggota lembaga pemegang amanah YPEIM yang terdiri daripada tokoh dalam pelbagai bidang. Pelantikan mereka berkuatkuasa 1 Jan.

Mengikut surat ikatan penubuhan YPEIM, Ketua Pengarah YPEIM Dr Haji Abdul Malek Awang Kechil secara automatik menjadi setiausaha lembaga pemegang amanah YPEIM.

Anggota lembaga pemegang amanah YPEIM antaranya ialah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Datuk Seri Jamaluddin Haji Ahmad Damanhuri, Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Haji Mohamad Shaid Mohd Taufek, Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Sya'rie Datuk Sheikh Ghazali Haji Abdul Rahman dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Haji Mohamad Shahir Abdullah.

Yang lain ialah pengerusi Lembaga Akreditasi Negara Prof Dr Mohamad Suleiman, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi Haji Mohd Ali Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Rosli Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Datuk Sheikh Abdul Majid Mohd Noor, Presiden Fomca Prof Datuk Mohd Hamdan Adnan, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Sarawak Datuk Anis Haji Abot, Hajah Zaleha Hussein dan Datuk Sulaiman Osman.

Dalam kenyataannya hari ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin yakin mereka dapat menyumbang dengan berkesan kepada matlamat penubuhan YPEIM iaitu membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah di negara ini.

-- BERNAMA

AHH AHH FAZ